

Telephone: Students Unit  
(020 7402 0045)  
Students Hostel  
(020 7402 0953)  
Fax: 020 7262 8406  
Website: www.upp.org.uk  
Email: admin@upp.org.uk



سورھنجاي تيغكي نكار بروني دارالسلام

SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM

(STUDENTS UNIT)  
35 – 43 Norfolk Square  
London W2 1RX

## **SURAT PEMBERITAHUAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BIL 09 / 2011**

Kepada: Semua Penuntut Biasiswa Kerajaan (Kementerian Pendidikan) yang dijangka menamatkan pengajian pada akhir sesi 2010/2011

### **PERMOHONAN UNTUK MENINGGI TAHAP PENGAJIAN SESI 2011/2012**

Sukacita surat keliling UPP rujukan BSU/E/ Part X bertarikh 15 Disember 2010 adalah berkaitan.

Sehubungan dengan itu adalah dimaklumkan Penuntut-Penuntut Tahun Akhir kursus Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan (Postgraduate) yang berhajat untuk 'Meninggi Tahap Pengajian' pada sesi 2011/2012 dengan ini adalah dipelawa untuk menghadapi permohonan secara bertulis dan melengkapkan Borang Meninggi Tahap yang disertakan.

Surat berserta borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihadapkan ke Unit Penuntut-Penuntut tidak lewat dari **1 April 2011**. Awda juga dikehendaki untuk menyertakan bersama perkara yang berikut:-

1. Kursus dan tempoh kursus yang dipohonkan
2. Proposal dissertation yang tidak kurang 3000 perkataan
3. Tempat pengajian yang sudah/akan dipohon mengikut keutamaan
4. Surat tawaran jika telah diperolehi (bagi yang belum menerima tawaran, sila hadapkan sebaik sahaja diperolehi)
5. Isi kandungan (summary/outline) kursus yang dipohonkan
6. Surat sokongan dari pihak universiti/kolej
7. Keputusan peperiksaan mulai tahun pertama kursus yang sedang diikuti
8. Salinan sijil atau anugerah yang pernah diterima (jika ada)

Penuntut-Penuntut yang berhasrat untuk mengikuti kursus lanjutan (Postgraduate) dalam bidang Engineering, Sains dan Teknologi adalah dikehendaki untuk mendapatkan sijil ATAS (Academic Technology Approval Scheme) sebelum memohon untuk mendapatkan visa.

Sekian disampaikan untuk makluman dan tindakan Awda

Dengan hormat

Abdullah bin Haji Ahad  
Pengarah Pengajian  
bp Pesuruhjaya Tinggi

Rujukan: BSU/E/5 Part X  
Tarikh: 11 Mac 2011